



29 September 2017  
29 September 2017  
P.U. (A) 287

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN KANAK-KANAK (PEMELIHARAAN BERASASKAN KELUARGA) 2017

*CHILD (FAMILY BASED CARE) REGULATIONS 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KANAK-KANAK 2001

PERATURAN-PERATURAN KANAK-KANAK  
(PEMELIHARAAN BERASASKAN KELUARGA) 2017

---

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

---

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Pemilihan dan kelayakan
4. Kewajipan penyedia pemeliharaan berasaskan keluarga
5. Kewajipan ibu atau bapa atau penjaga
6. Rekod hendaklah disimpan

## AKTA KANAK-KANAK 2001

### PERATURAN-PERATURAN KANAK-KANAK (PEMELIHARAAN BERASASKAN KELUARGA) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 128 Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Pemeliharaan Berasaskan Keluarga) 2017.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2017.

#### **Pemakaian**

2. Peraturan-Peraturan ini terpakai bagi kanak-kanak yang diletakkan dalam pemeliharaan mana-mana orang yang menyediakan pemeliharaan berasaskan keluarga dengan suatu perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah subseksyen 30(1), 40(1) atau 46(5) Akta, atau dengan waran di bawah tandatangan Pelindung di bawah subseksyen 35(4) atau 37(6) Akta.

#### **Pemilihan dan kelayakan**

3. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), Ketua Pengarah boleh memilih mana-mana orang yang layak atau sesuai untuk menjadi penyedia pemeliharaan berasaskan keluarga sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi maksud subseksyen 30(1), 35(4), 37(6), 40(1) dan 46(5) Akta.

(2) Seseorang adalah layak atau sesuai menjadi penyedia pemeliharaan berasaskan keluarga jika—

- (a) dia seorang warganegara atau penduduk tetap Malaysia;
  - (b) dia berupaya mengadakan pemeliharaan yang mencukupi untuk kanak-kanak yang diletakkan dalam pemeliharaan, jagaan dan kawalannya;
  - (c) dia tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah atau shariah di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda, selama lebih daripada tiga tahun; dan
  - (d) dia telah hadir apa-apa sesi kaunseling atau kursus sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.
- (3) Walau apa pun perenggan (2)(a), jika kanak-kanak yang hendak diletakkan dalam pemeliharaan berasaskan keluarga ialah bukan warganegara Malaysia, Ketua Pengarah boleh memilih mana-mana bukan warganegara sebagai penyedia pemeliharaan berasaskan keluarga untuk kanak-kanak itu.

**Kewajipan penyedia pemeliharaan berasaskan keluarga**

4. (1) Penyedia pemeliharaan berasaskan keluarga hendaklah mempunyai kewajipan yang berikut:

- (a) untuk memastikan bahawa pemeliharaan dan pelindungan kanak-kanak berasaskan kasih sayang dan kemesraan, dan nilai moral dan rohani yang baik;
- (b) untuk memastikan bahawa perkembangan, kebijakan, kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak diuruskan dengan cara yang sepatutnya mengikut keperluan kanak-kanak itu;

- (c) untuk menyediakan premis yang selamat, bersih dan selesa bagi kanak-kanak dan tinggal di dalam premis yang sama dengan kanak-kanak itu;
- (d) untuk melindungi kepentingan kanak-kanak;
- (e) untuk menyediakan makanan yang sihat dan pakaian yang mencukupi bagi kanak-kanak mengikut keperluan kanak-kanak itu;
- (f) untuk menyediakan pendidikan yang sepatutnya bagi kanak-kanak termasuklah pendidikan moral dan rohani;
- (g) untuk memastikan bahawa kanak-kanak menghadiri apa-apa sesi bimbingan dan kaunseling yang dijalankan oleh seorang kaunselor, jika perlu;
- (h) untuk memastikan keselamatan kanak-kanak;
- (i) untuk memastikan bahawa kanak-kanak menerima rawatan perubatan atau pergigian, jika perlu;
- (j) untuk memastikan bahawa semua barang peribadi dan rekod kanak-kanak disimpan dan ditempatkan dalam simpanan selamat;
- (k) untuk melaporkan dalam tempoh dua puluh empat jam apa-apa kecederaan yang serius atau penyakit yang serius yang dialami oleh kanak-kanak kepada Pelindung atau pegawai akhlak;
- (l) untuk melaporkan dalam tempoh dua puluh empat jam apa-apa keganasan yang dilakukan terhadap kanak-kanak atau kematian kanak-kanak kepada polis, dan Pelindung atau pegawai akhlak;

- (m) untuk melaporkan dalam tempoh dua puluh empat jam mana-mana kanak-kanak yang lepas lari daripada pemeliharaan, jagaan dan kawalannya kepada polis, dan Pelindung atau pegawai akhlak; dan
  - (n) jika penyedia pemeliharaan berasaskan keluarga bukan merupakan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu, untuk membenarkan kanak-kanak itu untuk berhubung dengan ibu atau bapa atau penjaganya.
- (2) Bagi maksud perenggan (1)(j), “rekod kanak-kanak” termasuklah—
- (a) perakuan kelahiran, kad pengenalan atau pasport kanak-kanak;
  - (b) apa-apa rekod kewangan kanak-kanak;
  - (c) apa-apa rekod pendidikan kanak-kanak;
  - (d) perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak atau waran di bawah tandatangan Pelindung di bawah Akta;
  - (e) apa-apa rekod rawatan perubatan atau pergigian kanak-kanak; dan
  - (f) apa-apa rekod mengenai perihalan barang peribadi atau harta kanak-kanak.

### **Kewajipan ibu atau bapa atau penjaga**

5. (1) Jika seseorang kanak-kanak ditempatkan dalam pemeliharaan dan pelindungan penyedia pemeliharaan berasaskan keluarga yang bukan ibu atau bapa atau penjaganya, ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu, tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak atau Pelindung, hendaklah—

- (a) berhubung dengan penyedia pemeliharaan berasaskan keluarga berkenaan dengan perkembangan dan kesejahteraan kanak-kanak itu; dan
  - (b) menghadiri apa-apa perbincangan atau perjumpaan sebagaimana yang diaturkan oleh Pelindung, pegawai akhlak atau mana-mana Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak berkenaan dengan kebajikan, kesihatan, pendidikan moral dan rohani, dan perkembangan kanak-kanak itu.
- (2) Mana-mana ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak yang tidak mematuhi perenggan (1)(b) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

**Rekod hendaklah disimpan**

6. (1) Pelindung atau pegawai akhlak hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu rekod yang mengandungi semua butir yang berhubungan dengan penempatan kanak-kanak dalam pemeliharaan dan pelindungan penyedia pemeliharaan berasaskan keluarga.
- (2) Butir-butir yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah termasuk nama dan alamat penyedia pemeliharaan berasaskan keluarga, dan apa-apa bantuan yang diberikan oleh mana-mana orang kepada penyedia pemeliharaan berasaskan keluarga, jika ada.
- (3) Rekod yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah disimpan dan disenggarakan oleh Pelindung atau pegawai akhlak di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang bertanggungjawab bagi kanak-kanak itu.

Dibuat 21 September 2017  
[KPWKM.PUU.(R).600-1/1/1; PN(PU2)612/XVII]

DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
*Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*

CHILD ACT 2001  
CHILD (FAMILY BASED CARE) REGULATIONS 2017

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

Regulation

1. Citation and commencement
2. Application
3. Selection and qualification
4. Duties of family based care provider
5. Duties of parent or guardian
6. Records to be kept

CHILD ACT 2001  
CHILD (FAMILY BASED CARE) REGULATIONS 2017

IN exercise of the powers conferred by section 128 of the Child Act 2001 [*Act 611*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Child (Family Based Care) Regulations 2017**.

(2) These Regulations come into operation on 1 October 2017.

**Application**

2. These Regulations shall apply to a child who is placed in the care of any person providing family based care by an order of the Court For Children under subsection 30(1), 40(1) or 46(5) of the Act, or by a warrant under the hand of the Protector under subsection 35(4) or 37(6) of the Act.

**Selection and qualification**

3. (1) Subject to subregulation (2), the Director General may select any person who is qualified or suitable to be a family based care provider as he considers necessary or expedient for the purposes of subsections 30(1), 35(4), 37(6), 40(1) and 46(5) of the Act.

(2) A person is qualified or suitable to be a family based care provider if—

(a) he is a citizen or permanent resident of Malaysia;

(b) he is capable of providing adequate care for the child placed in his care, custody and control;

- (c) he has not been convicted of any criminal or shariah offence under any written law punishable with imprisonment, whether in itself only or in addition to or in lieu of a fine, for more than three years; and
  - (d) he has attended any counselling sessions or courses as determined by the Director General.
- (3) Notwithstanding paragraph (2)(a), where the child to be placed in a family based care is a non-citizen of Malaysia, the Director General may select any non-citizen as the family based care provider for the child.

**Duties of family based care provider**

4. (1) A family based care provider shall have the following duties:
- (a) to ensure that the care and protection of the child are based on love and affection, and good moral and spiritual values;
  - (b) to ensure that the development, welfare, health and well-being of the child are managed in an appropriate manner according to the needs of the child;
  - (c) to provide a safe, clean and comfortable premises for the child and stay in the same premises with the child;
  - (d) to protect the interest of the child;
  - (e) to provide healthy food and adequate clothing for the child according to the needs of the child;
  - (f) to provide appropriate education for the child which includes moral and spiritual education;

- (g) to ensure that the child attends any guidance and counselling session conducted by a counsellor, if necessary;
  - (h) to ensure the safety of the child;
  - (i) to ensure that the child receives medical or dental treatment, if necessary;
  - (j) to ensure that all personal belongings and records of the child are kept and placed in safe custody;
  - (k) to report within the period of twenty-four hours any serious injury or serious illness suffered by the child to the Protector or probation officer;
  - (l) to report within the period of twenty-four hours any violence committed against the child or the death of the child to the police, and the Protector or probation officer;
  - (m) to report within the period of twenty-four hours any child who escapes from his care, custody and control to the police, and the Protector or probation officer; and
  - (n) where the family based care provider is not the parent or guardian of the child, to allow the child to communicate with his parent or guardian.
- (2) For the purpose of paragraph (1)(j), “records of the child” includes—
- (a) the certificate of birth, identity card or passport of the child;
  - (b) any financial record of the child;

- (c) any education record of the child;
- (d) an order of the Court For Children or a warrant under the hand of the Protector under the Act;
- (e) any medical or dental treatment record of the child; and
- (f) any record on the descriptions of the child's personal belongings or properties.

**Duties of parent or guardian**

5. (1) Where a child is placed in the care and protection of a family based care provider who is not his parent or guardian, the parent or guardian of the child, subject to any conditions imposed by the Court For Children or Protector, shall—

- (a) communicate with the family based care provider with regard to the development and well-being of the child; and
- (b) attend any discussion or meeting as arranged by the Protector, probation officer or any Child Protection Team with regard to the welfare, health, moral and spiritual education, and development of the child.

(2) Any parent or guardian of a child who fails to comply with paragraph (1)(b) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit.

**Records to be kept**

6. (1) The Protector or probation officer shall keep and maintain a record containing all particulars relating to the placement of a child in the care and protection of a family based care provider.

(2) The particulars referred to in subregulation (1) shall include the name and address of the family based care provider, and any assistance given by any person to the family based care provider, if any.

(3) The records referred to in subregulation (1) shall be kept and maintained by the Protector or probation officer at the District Social Welfare Office responsible for the child.

Made 21 September 2017  
[KPWKM.PUU.(R).600-1/1/1; PN(PU2)612/XVII]

DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
*Minister of Women, Family and Community Development*